

Pemproses air ciptaan UTM bantu penduduk Kelantan

Kota Bharu: Mesin Sistem Teknologi Membran Osmosis Balikan ciptaan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mampu menghasilkan 5,000 liter air sehari untuk bekalan 1,000 penduduk di Kelantan.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Inovasi) UTM, Prof Dr Ahmad Fauzi Ismail, berkata mesin itu direka khas bagi pemrosesan air tulen bersih mengikut piawai kualiti air ditetapkan.

“Ia dapat menghasilkan dua jenis air terawat iaitu melalui proses membran ultrafiltrasi bagi kegunaan harian dan proses osmosis balikan bagi penghasilan air minuman bersih serta selamat tanpa perlu dimasak,” katanya selepas majlis penyerahan mesin berkenaan kepada Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN)

Kelantan, Datuk Dr Tengku Fazi-harudean Tengku Feissal, di Kota Darulnaim, di sini, semalam.

Sementara itu, Tengku Fazi-harudean berkata, mesin terbabit akan diletakkan di Kota Bharu, Tanah Merah dan Kuala Krai yang akan memberi kemudahan kepada penduduk mendapatkan bekalan air bersih.

Beliau yang juga Timbalan Setiausaha Kerajaan negeri (Pembangunan), berkata dengan adanya mesin itu, ia menjadi kemudahan untuk membekalkan air bersih kepada penduduk secara percuma terutama pada musim banjir di pusat pemindahan.

Katanya, mesin rawatan air ini jenis unit mudah alih yang boleh diletakkan di sebarang tempat yang dekat dengan sumber air seperti di tepi sungai.

Fakta nombor

1 UNIT

bernilai
RM60,000

5,000
LITER

air bersih
diproses sehari



Ahmad Fauzi (kiri) bersama Timbalan Ketua Jajahan Tanah Merah, Wan Mohd Shuhaimi Wan Mustapha menunjukkan perbezaan air sungai yang sudah dirawat dengan yang belum diproses di Sungai Kelantan, Tanah Merah, semalam.

012-376 6096
019-778 6906

f Lifejoy Immune Booster

lifejoy_immunebooster

Diedarkan Oleh:
Phytoessence (M) Sdn Bhd
(1164232-H)



Bekalkan Nutrien Terbaik
Semulajadi Kepada
SISTEM IMUN
Tubuh Anda

www.phytoessence.com.my